

Kiriman Wang, Hubungan Kekeluargaan, dan Masyarakat Cham di Malaysia

ABSTRAK

Data rasmi yang dikeluarkan oleh badan antarabangsa, seperti IFAD (*International Fund for Agricultural Development*) menunjukkan bahawa setiap tahun, "remittances" atau kiriman wang yang dilakukan oleh migran kembali ke negara asal mencatat peningkatan yang tinggi, termasuk di rantau Asia Tenggara. Jumlah tersebut tidak termasuk penghantaran yang dilakukan secara tidak formal, seperti apa yang berlaku di kalangan masyarakat Cham di Malaysia dan migran lain yang bekerja di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa bentuk sistem kiriman wang atau "remittances" tidak formal yang dipraktikkan oleh masyarakat Cham di Malaysia memperlihatkan keunikan yang tersendiri. Ianya bersifat tidak formal namun berstruktur, dan menjadi medium penghantaran utama sehingga ke hari ini. Walaupun sistem ini diklasifikasikan sebagai tidak formal, namun disebabkan tahap keberkesanan dan kebolehpercayaan melebihi sistem lain yang sedia ada, maka sistem ini dilihat mampu menyaingi sistem "remittances" moden. Kebolehpercayaan ini juga mempunyai kaitan dengan semangat "ke-Kemboja-an" yang kuat di kalangan masyarakat ini. Menerusi kiriman wang juga memperlihatkan keakraban perhubungan kekeluargaan di antara imigran dan ahli keluarga mereka di negara asal.

Kata-kata kunci: Kiriman wang, masyarakat Cham, hubungan kekeluargaan, dan kegiatan ekonomi di Malaysia.

PENGENALAN

Setiap tahun berbilion dolar transaksi berlaku di antara negara-negara yang menjadi tumpuan imigran dan negara asal mereka. Menurut *the International Fund for Agricultural Development* (IFAD), untuk tahun 2007 terdapat lebih dari 50 million migrants daripada Asia and Oceania di serata dunia. Destinasi utama mereka adalah negara-negara seperti Amerika Syarikat, Rusia, New Zealand, dan Malaysia. Daripada jumlah keseluruhan *remittances* (kiriman wang) yang diterima, Asia dan Oceania menerima sejumlah US\$113 bilion setahun, dan jumlah ini merupakan yang tertinggi diterima untuk seluruh dunia. Menurut IFAD pula, di kalangan negara Asia Tenggara, Filipina merupakan negara terbesar yang menerima kiriman wang, diikuti oleh Vietnam, Indonesia, Thailand, Malaysia, Laos, Cambodia, Myammar, dan Timor-Leste. Kiriman

Siti Nor Awang ialah Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi UM (Universiti Malaya), Kuala Lumpur, Malaysia. Bagi sebarang urusan akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: sitinor@um.edu.my

wang ini turut menyumbang kepada pendapatan negara kasar atau GDP (*Gross Domestic Product*).

Jumlah kiriman wang ini memperlihatkan satu bentuk peningkatan dari tahun ke tahun di kebanyakan negara. Apa yang membezakan adalah dari segi bagaimana kiriman wang ini dilakukan dan untuk apa kiriman wang dibuat. Namun apa yang menarik untuk dibincangkan dalam artikel ini adalah rangkaian perhubungan tidak formal yang dibentuk bagi memastikan kiriman wang selamat sampai tanpa menggunakan sistem kewangan moden. Disamping itu sejauh mana peranan “kiriman atau hantaran wang” (*remittances*) ini mampu mengikat atau mengeratkan hubungan si pengirim dan penerima kiriman wang menjadi tumpuan utama atikel ini.

MASYARAKAT CHAM DAN KEMASUKANNYA KE MALAYSIA

Masyarakat Cham merupakan salah satu daripada kumpulan masyarakat yang berasal dari Kerajaan Champa, sebuah kerajaan awal di Asia Tenggara sekitar abad ke 7 – 15 Masehi. Masyarakat ini berasal dari rumpun Aoustronesian dan menggunakan bahasa Cham yang digolongkan di bawah kelompok bahasa Malayo-Polynesian. Selepas keruntuhan kerajaan Champa pada tahun 1835, kumpulan masyarakat ini didapati bertebaran di sekitar Vietnam selatan dan Kemboja (Mohamad Zain Musa, 2003).

Ketidakstabilan politik yang melanda Indochina sekitar tahun 1970-an, di mana penyebaran ideologi Komunis telah mengakibatkan Khmer Rouge berjaya mengambil alih pemerintahan Kemboja pada 17 April 1975. Bertitik tolak dari pengambil-alihan ini telah menyebabkan perubahan yang besar ke atas struktur pentadbiran dan struktur sosial masyarakatnya, termasuklah organisasi keluarga. Organisasi keluarga, misalnya, telah dipecah-belahkan dengan membentuk *communal organization* (Ebihara, 1993). Menurut May Ebihara (1993) pula, beliau menjelaskan bahawa ahli keluarga telah dikelompokkan kepada beberapa kumpulan utama: kumpulan kanak-kanak, orang dewasa dan golongan belia, wanita berkahwin, dan golongan tua. Mereka ditempatkan di kawasan yang berbeza untuk kerahan tenaga dan beri layanan buruk. Kesengsaraan yang dialami oleh masyarakat di Kemboja telah menyebabkan 1.5 – 2 juta penduduknya mati disebabkan oleh keburlan, penyakit, kurang zat makanan, dan dibunuh (Supang & Reynolds eds., 1988).

Peristiwa ini telah menjadi sejarah hitam yang sukar dilupakan oleh masyarakat Kemboja dan ramai diantara mereka telah melarikan diri ke negara jiran, seperti Thailand, Malaysia, Filipina, dan beberapa negara Asia Tenggara lain. Dilaporkan bahawa pada tahun 1976, terdapat 50,000 pelarian Indochina di Malaysia dan angka ini meningkat kepada 100,000 orang pelarian pada tahun 1979 (Supang & Reynolds eds., 1998). Antara ratusan ribu pelarian yang membajiri Malaysia sekitar tahun 1975 sehingga 1990-an, sebahagian kecil dari mereka merupakan masyarakat Cham yang beragama Islam.

Kumpulan pelarian Indochina pertama mendarat di pesisir pantai Semenanjung Malaysia adalah pada 3 Mei 1975 (Nik Zaharah Nik Din, 1977).

Namun atas sebab keselamatan dalam negara, kerajaan Malaysia hanya menerima masyarakat Cham untuk diterima masuk dan menetap di negara ini. Sementara pelarian dari kumpulan etnik Khmer, Cina, dan Vietnam diberi perlindungan sementara dan kemudiannya di hantar ke negara ketiga seperti Amerika Syarikat, Perancis, Australia, German, New Zealand, Swizland, Belgium, Jepun, Argentina, China, dan United Kingdom (Supang & Reynolds eds., 1988).

Kem pelarian Taman Kemunin, Pengkalan Chepa merupakan penempatan awal masyarakat Cham setelah diterima masuk ke negara ini. Namun apabila bilangan mereka semakin bertambah, kem pelarian kedua dibina di Cherating, Pahang (Nik Zaharah Nik Din, 1977). Pelarian ini ditempatkan selama lebih-kurang dua tahun di kem dan kemudian dibenarkan memulakan kehidupan baru mereka di luar kawasan kem.

Kini setelah lebih dari 30 tahun masyarakat Cham diterima masuk ke negara ini, bilangan mereka semakin ramai dan mendiami hampir seluruh Semenanjung Malaysia (lihat peta 1). Ada di antara mereka telah diterima sebagai warganegara sementara, yang lain bertaraf penduduk tetap. Tumpuan utama masyarakat Cham adalah di negeri Kelantan (Kota Bharu dan Pasir Mas); Terengganu (Kuala Terengganu dan Dungun); Pahang (Pekan dan Rompin); Johor (Ulu Tiram, Kota Tinggi, dan Muar); Melaka (Tanjung Minyak dan Bukit Rambai); Negeri Sembilan (Seremban); Selangor (Klang, Banting, Sungai Buluh, Kajang, dan Bukit Belacan); Perak (Ipoh, Parit Buntar, dan Kuala Kangsar); Pulau Pinang (Nibong Tebal); Kedah (Alor Star); dan Perlis (Kangar) (Mohamad Zain Musa, 2003).

KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT CHAM

Di peringkat awal kedatangan masyarakat Cham di negara ini, tumpuan lebih kepada kegiatan ekonomi seperti: bertani, menangkap ikan, buruh ladang, dan kerja-kerja pembinaan (Mohamad Zain Musa, 2003). Namun kecenderungan masyarakat ini meningkatkan taraf hidup mereka telah menyebabkan corak kegiatan ekonomi mereka telah berubah. Kini rata-rata masyarakat Cham giat melibatkan diri dengan kegiatan perniagaan, samada secara kecil-kecilan mahupun berskala besar.

Penglibatan masyarakat Cham dalam kegiatan ekonomi berasaskan perniagaan bukanlah merupakan sesuatu perkara baru. Mohamad Zain Musa (2003) menjelaskan bahawa selepas mereka keluar dari kem pelarian, ada yang bekerja dengan masyarakat tempatan sebagai pembantu kedai, terutamanya pakaian dan tekstil. Pengalaman yang diperolehi dimanfaatkan sebaik mungkin dan perniagaan kecil-kecilan mula diceburi. Sedikit demi sedikit tabungan dikumpulkan sehingga mereka mempunyai modal untuk memulakan perniagaan sendiri. Namun kini mereka telah mengorak langkah ke satu tahap ke hadapan dengan memperluas dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan yang diceburi. Penglibatan dalam bidang perniagaan ini telah membuka peluang, ruang, dan jaringan yang lebih luas kepada anggota masyarakat Cham yang lain untuk turut sama melibatkan diri.



Peta:
Kawasan Penempatan Masyarakat Cham di Semenanjung Malaysia.
Sumber: Mohammad Zain Musa (2003).

Dalam mengharungi kehidupan yang lebih baik di negara ini, masyarakat Cham tidak melupakan saudara mara mereka di negara asal. Hubungan kekeluargaan yang sedia terjalin diteruskan dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti surat, telefon, dan kunjungan. Mereka juga tidak melupakan kepentingan dan kebajikan ahli keluarga yang berada di Kemboja dengan mengiriskan wang. Artikel ini dihasilkan dengan tujuan khusus untuk mengenengahkan salah satu bentuk atau kaedah kiriman wang tidak formal yang dipraktikkan sejak lebih dari 30 tahun yang lalu oleh masyarakat Cham di Malaysia.

REMITTANCES ATAU KIRIMAN WANG

Menurut C. Sander (2003), *remittances* atau kiriman wang dijelaskan sebagai merupakan sejumlah wang yang dikirim oleh individual atau isirumah kepada orang lain. Beliau mengklasifikasikan *remittances* kepada dua bentuk. Pertama, *domestic remittances* atau juga dikenali sebagai *national remittances* yang melibatkan pekerja yang meninggalkan kampung halaman atau bandar dan mendapat pekerjaan di tempat lain tetapi masih dalam lingkungan negara asalnya. Kedua, *international remittances* dirujuk kepada kiriman wang daripada pekerja yang meninggalkan negara asal dan mendapat pekerjaan di negara asing.

Sementara ADB (Asian Development Bank) merujuk *remittances* sebagai sejumlah pendapatan yang diperolehi oleh migran yang kemudiannya dikirim dari negara mereka bekerja kepada saudara mara di negara asal (ADB, 2006). Abdul Kalam Azad (2004) pula, dalam kertas kerjanya, menjelaskan bahawa *remittances* sebagai pendapatan yang diperolehi oleh pendatang atau pekerja asing dari negara yang asing dan kemudiannya dihantar pulang ke negara asal. Berdasarkan bncian yang telah dijalankan, beliau mendapati bahawa *remittances* atau kiriman wang dari pekerja atau pendatang asing di sesebuah negara merupakan sumber pendapatan terbesar tukaran asing bagi sesetengah negara.

Umumnya terdapat dua bentuk *remittances* yang sering dikirimkan oleh migran, iaitu *pertama*, wang; dan *kedua*, berbentuk barangan yang dibeli dari negara tempat mereka bekerja. Walau bagaimanapun, kiriman berbentuk wang menjadi pilihan utama migran dalam urusan pengiriman ini (Sander, 2003).

Leah K. Vanwey (2004), dalam kajian yang dilakukan di kalangan imigran lelaki dan wanita di Thailand, menyatakan bahawa *remittances* dilakukan di antara migran dan ahli keluarga yang melibatkan perpindahan sejumlah wang atau barangan di antara luar bandar dan bandar dan juga di antara negara. Sementara Abdul Kalam Azad (2004) menjelaskan bahawa corak penggunaan kiriman wang dari ahli keluarga atau bukan ahli keluarga yang berada di luar negara boleh diteliti berdasarkan perspektif makro dan mikro. Sebagai contoh, berdasarkan perspektif makro, kiriman wang membantu negara penerima “*in paying liabilities, build foreign exchange reserves, help external debt servicing, and enhance the viability of the countries’ external sector*” (Abdul Kalam Azad, 2004). Sementara dari sudut mikronya, kiriman wang membantu penerima meningkatkan pendapatan isirumah kepada keluarga terbabit, membantu meningkatkan taraf hidup, membantu meningkatkan keupayaan menabung, dan yang lebih penting menyumbang kepada perkembangan ekonomi nasional secara tidak langsung.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Griffith pada tahun 1985 di kalangan masyarakat di Jamaica, beliau mendapati bahawa penggunaan kiriman wang daripada migran biasanya diterima oleh isteri atau teman wanita, ibu, bapa, datuk atau nenek, anak perempuan, saudara perempuan, dan rakan (dalam Hollinger & Haller. (1990). Hasil kiriman wang ini digunakan untuk tujuan meningkatkan jumlah pengeluaran pertanian yang diusahakan oleh

ahli keluarga atau saudara mara. Berdasarkan kajian kes yang dijalankan di Sri Lanka, didapati migran khususnya lelaki atau suami yang mengirinkan wang kepada isteri dan anak-anak. *Remittances* ini digunakan untuk perbelanjaan persekolahan dalam usaha meningkatkan taraf pendidikan anak-anak mencapai peringkat yang lebih tinggi (Perera, 2009).

Asian Development Bank (ADB) turut memperincikan sumbangan kiriman wang ini berdasarkan perspektif makro dan mikro. Di peringkat makro, *remittances* dilihat sebagai penyumbang kepada *foreign exchange earning* negara-negara yang mempunyai ramai penduduk yang bekerja di luar negara. Sementara di peringkat mikro, *remittances* dilihat sebagai peluang langsung untuk golongan miskin luar bandar terlibat dengan khidmat kewangan. ADB selanjutnya menyatakan seperti berikut:

At a microeconomic level, remittances offer a direct opportunity to improve access to financial services, with a greater pro-poor and rural outreach by linking remittances to products such as savings and loans. Therefore, remittance services are main elements of interventions by IFAD (*International Fund for Agricultural Development*) and the MIF (*Multilateral Investment Fund*), both of which have mandates to improve access to financial services for the rural poor and to strengthen the private sector in developing countries (ADB, 2006).

Persoalan seterusnya yang menjadi isu pokok kepada *remittances* adalah kenapa migran mengambil keputusan untuk mengirinkan sejumlah wang dari hasil pendapatannya kepada ahli keluarganya. Jika kiriman itu diberikan secara langsung kepada ahli keluarga terdekat, seperti isteri/suami dan anak-anak atau ibubapa untuk kegunaan harian, disimpan atau digunakan untuk membeli tanah atau binatang ternakan, dikira sesuatu tindakan yang biasa dan wajar. Namun bagi sesetengah individu, kiriman wang ini diberikan kepada saudara jauh atau *distant kin* seperti adik beradik yang telah berkahwin, ibu atau bapa saudara, sepupu, dan anak saudara. Persoalan yang menarik di sini adalah atas dasar apa pertimbangan tersebut dilakukan?

Menurut pandangan Robert E.B. Lucas dan Oded Stark (1985), dalam kajian mereka ke atas masyarakat di Botswana, mendapati bahawa *remittances* yang dilakukan oleh migran adalah disebabkan *tempered altruism*, dimana kepentingan atau keinginan diri sendiri bukanlah menjadi keutamaan kepada migran, sebaliknya pendapatan yang mereka perolehi itu dikongsi bersama dengan mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Oleh itu, pandangan Robert E.B. Lucas dan Oded Stark (1985) ini membuktikan bahawa kiriman wang dilakukan oleh migran berpunca daripada perasaan ingin membantu ahli keluarga di tempat asal.

KAEDAH *REMITTANCES* ATAU KIRIMAN WANG

Apabila membicarakan tentang bentuk saluran dan capaian *remittances*, umumnya terdapat dua kaedah utama yang sering menjadi amalan pengirim atau migran, iaitu: (1) saluran kiriman berbentuk formal; dan (2) saluran kiriman yang berbentuk tidak formal. Dalam konteks ini, C. Sander (2003)

menjelaskan secara terperinci berhubung dengan bentuk saluran formal yang sering digunakan oleh pengirim.

Pertama, melalui Bank (dengan berbagai produk dan kebanyakannya melibatkan *electronic transfers* di antara akaun). *Kedua*, melalui *Money Transfer Operators* (MTOs), seperti *Western Union* dan *Money Gram*, atau *Many Smaller Global or Market-Specific* (MTOs²²). *Ketiga*, melalui Biro Tukaran Asing, sama ada yang beroperasi persendirian mahupun merupakan cawangan daripada MTOs. *Keempat*, melalui Pejabat Pos, yang beroperasi seperti biasa dan dalam masa yang sama bertindak sebagai agen penghantaran atau MTOs.

Saluran tidak formal juga digunakan oleh sesetengah migran atau pekerja asing untuk dikirimkan kepada ahli keluarga rapat dan jauh serta kepada teman rapat di negara asal. Dalam hal ini, C. Sander (2003) pula menjelaskan bahawa saluran tidak formal beroperasi sebagai salah satu bentuk perniagaan sampingan, khususnya di kalangan mereka yang menjalankan kegiatan import dan eksport, perniagaan runcit, atau mereka yang menjalankan urusniaga tukaran asing. Golongan ini menjalankan urusan pengiriman wang tidak berasaskan atau kurang penggunaan dokumen atau elektronik dokumen. Penghantaran ini dimaklumkan dengan menggunakan telefon, fax, atau email oleh pengirim kepada penerima.

Antara bentuk saluran kiriman tidak formal yang menjadi pilihan pengirim, menurut C. Sander (2003), adalah: (1) melalui *Hundi* atau *Hawala* yang merupakan agen dan mempunyai rangkaian perhubungan tersendiri, misalnya pemilik kedai atau agen pelancongan; (2) melalui individu yang menjalankan perniagaan, misalnya *import-export traders* atau individu yang melakukan secara sukarela; dan (3) melalui dibawa sendiri oleh si pengirim atau dikirm melalui ahli keluarga atau sahabat.

Apa yang menarik dan perlu diketahui berhubung dengan *Hundi* dan *Hawala* adalah bahawa ianya merupakan satu bentuk perkhidmatan penghantaran atau kiriman wang tidak formal. Secara umumnya, kedua-dua bentuk sistem ini hampir sama, cuma berbeza dari segi jaringan geografi. Perkhidmatan *Hawala* digunakan oleh migran dalam konteks negara-negara di Asia Barat dan negara Arab. Sementara *Hundi* sering dikaitkan dengan migran dari Asia Selatan, terutamanya Bangladesh (Sander, 2003). Menurut C. Sander lagi, saluran tidak formal ini sering digunakan oleh migran seperti berikut:

Informal channels tend to be used more where the financial sector is either missing (e.g. as can be the case in conflict or post-conflict countries), weak, or mistrusted (for instance due to bankruptcies). Similarly, forex controls generally lead to a higher use of informal channels. Conversely, formal sector use increases in stronger, more liberalised economies with a stronger financial sector (Sander, 2003:10).

MASYARAKAT CHAM DAN REMITTANCES

Berdasarkan kajian lapangan yang telah dilakukan di kalangan masyarakat Cham di salah sebuah penempatan di Negeri Pahang, antara Februari 2006

hingga September 2006, mendapati bahawa kiriman wang yang dilakukan agak berbeza berbanding dengan migran lain di negara ini. Perbezaan ini boleh dilihat dari segi bentuk atau kaedah penghantaran dan kepada siapa penghantaran ditujukan.

Kajian ini mendapati bahawa kiriman wang dilakukan oleh ahli keluarga terdekat atau bukan saudara kepada saudara mara di negara asal mereka, yang pada akhirnya pengirim akan kembali kepada yang dikirim. Jika diperhalusi kaedah penghantaran yang dilakukan adalah bersifat tidak formal dan mempunyai sedikit persamaan dengan kaedah *Hundi* atau *Hawala* yang dipraktikkan oleh masyarakat Arab di Timur Tengah dan masyarakat Asia Selatan seperti di Bangladesh.

Kajian di kebanyakan negara membangun lain menunjukkan bahawa kebanyakan *remittances* ini dilakukan di kalangan mereka yang bekerja sementara dan tidak tinggal atau menetap di negara tempat mereka bekerja. Oleh itu, tujuan *remittances* dilakukan adalah untuk kebaikan bersama pihak pengirim dan penerima; atau dengan kata lain, kedua-dua pihak mempunyai matlamat menambah tabungan, membeli aset, meningkatkan kualiti hidup, dan untuk tujuan pendidikan.

Namun kajian terhadap masyarakat Cham di Malaysia mendapati bahawa terdapat sedikit perbezaan dari segi tujuan kiriman tersebut dilakukan. Dari segi status kerakyatan, kedua-dua pihak yang mengirim dan yang menerima kiriman adalah berbeza. Memandangkan pengirim telah mendapat kerakyatan atau sekurang-kurangnya mendapat taraf penduduk tetap, maka tujuan penghantaran adalah untuk kebaikan atau faedah sebelah pihak sahaja, iaitu orang yang menerima kiriman. Sementara orang yang mengirim tidak mengharapkan faedah bersama kerana mereka tidak bercadang untuk hidup atau tinggal bersama pada masa hadapan.

Hasil temubual dengan responden mendapati rata-rata pengirim dari Malaysia mengakui bahawa mereka tidak bercadang untuk kembali menetap di Kemboja, dengan alasan mereka lebih senang tinggal di negara Malaysia kerana mereka bebas mengamalkan ajaran Islam dan mudah untuk mencari rezeki. Jika mereka kembali ke Kemboja, mereka tidak pasti akan keadaan dan cara hidup yang lebih baik boleh dinikmati di negara asal mereka. Di samping trauma yang dilalui akibat kekejaman Khmer Rouge menyebabkan mereka mengakui bahawa mereka ingin mati dan dikuburkan di Malaysia (temubual dengan ahli keluarga masyarakat Cham, 17/8/2006). Oleh itu, soal tujuan penghantaran untuk kegunaan bersama tidak timbul dalam kajian kes ini.

Analisis terhadap isu *remittances* bagi masyarakat ini memperlihatkan bahawa hubungan kekeluargaan tidak pernah terhakis, walaupun jarak dan masa memisahkan kedua-dua pihak. Dalam kes masyarakat Cham ini keadaannya mungkin kelihatan berbeza jika dibandingkan dengan kebanyakan kes *remittances* yang lain. Ini kerana perpisahan di antara mereka dengan saudara-mara di negara asal diakibatkan oleh ketidakstabilan politik yang akhirnya membawa kepada keadaan tidak selamat. Lanjutan dari

itu, sebahagian besar daripada ahli keluarga terpisah. Namun hubungan persaudaraan dan kekeluargaan di antara mereka tidak pernah luntur; atau dengan kata lain, walaupun jarak memisahkan mereka namun perhubungan masih berterusan.

Hakikat ini mungkin berbeza bagi masyarakat lain, kerana jarak geografi yang jauh telah menyebabkan ahli keluarga membentuk jaringan sosial dengan bukan saudara di tempat baru mereka. Ini diakui oleh F. Hollinger dan M. Haller dalam kajian mereka dan menyatakan bahawa:

[...] geographical mobility often leads to large distance between family members, [and] the maintenance of contacts over such distances become more difficult. Consequently [...] the personal relevance of such contacts might decrease. In other word, geographical mobility may reduce face-to-face contact with kin, and non-kin ties gaining importance in people's social networks (Hollinger & Haller, 1990:160).

Bagi masyarakat Cham, pemisahan dari segi jarak tidak boleh dijadikan ukuran kerenggangan hubungan kekeluargaan bagi kebanyakan masyarakat. Masyarakat berbeza memperlihatkan tindak balas berbeza terhadap pemisahan ini. Jarak yang jauh boleh merenggangkan hubungan persaudaraan atau keakraban masyarakat tertentu; manakala bagi kumpulan masyarakat yang lain, jarak atau pemisahan dari segi geografi tidak memberi kesan ke atas keakraban mereka. Sebaliknya, mereka mampu mempertahankan perhubungan ini, dan inilah yang berlaku kepada masyarakat Cham. Oleh itu, *remittances* menjadi salah satu dari kaedah mengekalkan dan meneruskan hubungan yang sedia terjalin selain daripada kunjungan atau perhubungan melalui surat dan telefon.

Sungguhpun pertemuan secara bersemuka jarang berlaku disebabkan jarak geografi, namun rasa *connectedness* dan *kinship responsibility* mempengaruhi mereka membuat penilaian yang berbeza. Saudara yang tinggal jauh merentasi sempadan negara atau *long-distance kin* tetap dihubungi dan sentiasa dalam ingatan. Terdapat dua bentuk perhubungan yang dikategorikan sebagai *long-distance kin*, iaitu: *pertama*, saudara dekat; dan *kedua*, saudara jauh. Saudar dekat atau *close kin* ini merujuk kepada perhubungan seperti ibubapa dan anak, sementara perhubungan saudara jauh atau *distant kin* merujuk kepada mereka yang dari segi biologinya berada di luar lingkungan hubungan yang pertama tetapi masih berhubung.

Kiriman wang dan juga barangan yang dilakukan oleh *close kin* dan *long distance kin* memperkukuhkan rasa tanggungjawab terhadap mereka yang mempunyai hubungan persaudaraan bukan sahaja sesama saudara dekat malah merangkumi saudara jauh. Di peringkat awal, kedatangan masyarakat Cham ke Malaysia menyaksikan penghantaran wang yang dilakukan lebih tertumpu kepada *close kin* seperti daripada anak kepada ibubapa di Kemboja. Manakala bagi mereka yang dikategorikan sebagai *distant kin* mengirinkan sejumlah wang kepada adik beradik atau saudara mara lain untuk kegunaan harian keluarga mereka yang miskin, di samping pembiayaan untuk datang ke Malaysia dan menyertai si pengirim.

Sama seperti transnasional migran lain, menghantar atau mengirimkan sejumlah wang dengan menggunakan perantara. Namun dalam kes ini, satu bentuk sistem penghantaran tidak formal telah digunakan semenjak lebih dari 30 tahun oleh masyarakat Cham di Malaysia. Sila rujuk diagram 1 untuk penjelasan lanjut.




Diagram 1:
Aliran Kiriman Wang dari Malaysia ke Kemboja

Diagram 1 menunjukkan carta aliran bagaimana kiriman wang dan barangan dilakukan oleh masyarakat Cham di Malaysia ke Kemboja. Bagi masyarakat Cham, yang menjadi tumpuan kajian, adalah dengan menggunakan seorang perantara di kampung ini sendiri. Beliau merupakan seorang wanita berkahwin berusia lewat tiga puluhan dan mempunyai dua orang anak. Wanita perantara yang pertama ini akan bertindak sebagai agen kampung, yang akan mengumpulkan semua kiriman yang ingin dihantar kepada saudara mara di Kemboja. Beliau mempunyai buku rekod kiriman yang ditulis tangan untuk tujuan rujukan.

Seterusnya, wang ini akan diserahkan kepada individu kedua, yang juga merupakan seorang wanita Cham dari Bathambang, Kemboja. Beliau menjalankan perniagaan barangan keperluan harian yang dibawa dari Kemboja dan diniagakan di beberapa penempatan masyarakat Cham di negeri-negeri seperti Pekan (Pahang), Kota Tinggi (Johor), Tanjong Minyak (Melaka), dan Paya Jaras (Selangor). Antara barangan yang mendapat permintaan tinggi dari masyarakat Cham di Malaysia adalah: ubat-ubatan dari Kemboja dan yang diimport dari Perancis, kosmetik, pakaian (baju, seluar, sarong, dan selendang), kelambu, kasut, makanan, dan cakera padat (filem dan nyanyian) berbahasa Khmer dan Cham. Wanita perantara ini akan menerima kiriman wang dan barangan dari penduduk kampung yang dilawatinya dan menghantar terus kepada Hajah Zaharah atau Mariam yang merupakan agen tunggal di Kemboja. Kedua-dua individu ini merupakan pertalian saudara dan masing-masing beroperasi di Phnom Phen dan Bathambang.

Bagi masyarakat Cham yang mendiami penempatan yang tidak dikunjungi oleh peniaga dari Kemboja, mereka akan mengirinkan kepada agen dari Paya Jaras (Selangor). Individu yang beroperasi di Paya Jaras ini juga merupakan peniaga yang menjalankan perniagaan di penempatan masyarakat Cham di seluruh Malaysia. Seterusnya dari Paya Jaras wang ini akan dikirinkan kepada peniaga Cham yang berulang-alik antara Malaysia-Kemboja. Penerima kiriman wang ini kebiasaannya akan dimaklumkan oleh si pengirim terlebih dahulu berhubung dengan kiriman yang telah dihantar. Penerima akan menemui Hajah Zaharah atau Mariam untuk mendapatkan wang mereka, dan siapa yang akan ditemui bergantung kepada di mana mereka tinggal. Penerima di sekitar Phnom Phen akan menemui Mariam untuk mendapatkan wang mereka; dan penerima di sekitar Bathambang akan menemui Hajah Zaharah. Urusniaga penghantaran yang dilakukan secara tidak formal ini dikenakan caj perkhidmatan sebanyak 10 peratus daripada jumlah penghantaran.

Dari segi jumlah penghantaran yang dilakukan, kajian ini mendapati bahawa antara Mac 2006 – Ogos 2006 sebanyak MYR 15,000.00 (lima belas ribu Ringgit Malaysia sahaja) telah dikirinkan oleh penduduk di kawasan kajian kepada saudara mara mereka di Kemboja. Lima orang daripada keseluruhan penduduk di kampung ini merupakan pengirim tetap setiap bulan, sementara 10 – 15 orang lagi merupakan mereka yang menghantar secara tidak tetap. Jumlah penghantaran ini akan meningkat lebih sekali ganda apabila menjelang

bulan Ramadhan dan ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri. Selain itu, jumlah kiriman wang juga meningkat dengan ketara apabila tiba musim penangkapan ikan¹ yang diusahakan oleh kebanyakan penduduk di kawasan kajian.

KESIMPULAN

Data rasmi yang dikeluarkan oleh badan antarabangsa seperti *the International Fund for Agricultural Development* (IFAD) menunjukkan bahawa setiap tahun *remittances* yang dilakukan oleh migran kembali ke negara asal mencatat peningkatan yang tinggi, termasuk di rantau Asia Tenggara. Jumlah tersebut tidak termasuk penghantaran yang dilakukan secara tidak formal, seperti apa yang berlaku di kalangan masyarakat Cham di Malaysia dan migran lain yang bekerja di Malaysia.

Kajian ini mendapati bahawa bentuk sistem kiriman wang atau *remittances* tidak formal yang dipraktikkan oleh masyarakat Cham di Malaysia memperlihatkan keunikan yang tersendiri. Ianya bersifat tidak formal namun berstruktur, dan menjadi medium penghantaran utama sehingga ke hari ini. Walaupun sistem ini diklasifikasikan sebagai tidak formal, namun disebabkan tahap keberkesanan dan kebolehpercayaan melebihi sistem lain yang sedia ada, maka sistem ini dilihat mampu menyaingi sistem *remittances* moden. Kebolehpercayaan ini juga mempunyai kaitan dengan semangat “ke-Kemboja-an” yang kuat di kalangan masyarakat ini. Menerusi kiriman wang juga memperlihatkan keakraban perhubungan kekeluargaan di antara imigran dan ahli keluarga mereka di negara asal.

Bibliografi

- Abul Kalam Azad. (2004). “On the Remittances”. *Paper* is presented at the International Organisation for Migration (IOM) Sponsored Associated Session, on 18 February 2004 during the Asia Pacific Regional Micro Credit Summit Meeting of Councils, 16-19 February, in Dhaka, Bangladesh. Contacting e-mail is: www.pksf-bd.org/speeches & Papers/Linking_IOM/Linking_.pdf [diakses di Kuala Lumpur, Malaysia: 9 Oktober 2011].
- ADB [Asian Development Bank]. (2006). “Workers’ Remittance Flows in Southeast Asia” dalam <http://www.adb.org/Documents/Reports/workers-remittance/workers-remittance.pdf> [diakses di Kuala Lumpur, Malaysia: 2 Jun 2009].
- Ebihara, May. (1993). “Beyond Suffering: The Recent History of a Cambodian Village” dalam Borje Ljunggren [ed]. *The Challenge of Reform in Indochina*. Cambridge: Harvard Institute for International Development, Harvard University Press, ms.149-166.

¹Penduduk di kawasan kajian menjalankan aktiviti utama sebagai penternak ikan dalam sangkar, dan ikan-ikan yang diternak mengambil masa antara 1 – 3 tahun sebelum ianya boleh dijual.

- Hollinger, F. & M. Haller. (1990). "Kinship and Social Networks in Modern Society: A Cross-Cultural Comparison Among Seven Nations" dalam *European Sociological Research*, Vol.6, ms.103-124.
- IFAD-MIF [International Fund for Agricultural Development and the Multilateral Investment Fund]. (2007). "International Forum on Remittances at the IDB Conference Center in Washington DC" dalam <http://www.ifad.org/events/remittances/forum07.htm> [diakses di Kuala Lumpur, Malaysia: 18-19 Oktober 2010].
- Lucas, Robert E.B. & Oded Stark. (1985). "Motivations to Remit: Evidence from Botswana" dalam *The Journal of Political Economy*, Vol.93, No.5, ms.901-918.
- Mohamad Zain Musa. (2003). "Masyarakat Cam di Malaysia: Tumpuan di Negeri Kelantan" dalam *Peradaban Melayu Timur Laut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Zaharah Nik Din. (1977). "The Cambodian Refugees in Kelantan". *Unpublished B.A. Thesis*. Kuala Lumpur, Malaysia: Department of Southeast Asian Studies UM [University of Malaya].
- Perera, S. (2009). "The Impact of Transnational Migration and Household Wealth on Children's School Enrolment in Sri Lanka". *Paper* presented in the 9th Conference of Asia Pacific Sociological Association, on Improving the Quality of Social Life in Asia Pacific: A Challenge for Sociology, in Kuta, Bali, Indonesia: June 13-15.
- Sander, C. (2003). *Migrant Remittances to Developing Countries: A Scoping Study, Overview, and Introduction to Issues for Pro-Poor Financial Services*. London, England: Bannock Consulting.
- Supang, C. & E.B. Reynolds [eds]. (1988). *Indochinese Refugees: Asylum and Resettlement*. Bangkok, Thailand: Institute of Asian Studies.
- Temubual dengan ahli keluarga masyarakat Cham di Pekan, Negeri Pahang, Malaysia, pada haribulan 17 Ogos 2006.
- Vanwey, Leah K. (2004). "Altruistic and Contractual Remittances between Male and Female Migrants and Households in Rural Thailand" dalam *Demography*, Vol.41, No.4., ms.739-756.



Bentuk sistem kiriman wang atau *remittances* tidak formal yang dipraktikkan oleh masyarakat Cham di Malaysia memperlihatkan keunikan yang tersendiri. [...] Walaupun sistem ini diklasifikasikan sebagai tidak formal, namun disebabkan tahap keberkesanan dan kebolehpercayaan melebihi sistem lain yang sedia ada, maka sistem ini dilihat mampu menyaingi sistem *remittances* moden. [...] Menerusi kiriman wang juga memperlihatkan keakraban perhubungan kekeluargaan di antara imigran dan ahli keluarga mereka di negara